

BN perlukan perpaduan — Hon Nyan

MENTERI Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan menyeru ahli-ahli komponen Barisan Nasional mengutamakan perpaduan kebangsaan dan keharmonian bangsa dari keinginan mencari publisiti.

Beliau menegaskan, perpaduan dan keharmonian hendaklah melebihi keinginan mencari publisiti sementara dengan tindakan dan kenyataan yang melampau batasan.

Tan Sri Chong, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan MCA Negeri Melaka, berkata demikian ketika berucap mengalu-alukan lawatan rasmi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam ke negeri itu di satu majlis makan malam Barisan Na-

sional di sini, malam ini.

Menurut Tan Sri Chong, sebagai ahli BN, semua anggota hendaklah memikul tanggungjawab tersebut.

MELAKA, Jumaat

"Kadangkala kita mewakili pihak minatnya berlainan, tetapi selepas perundingan dan tolak ansur, kita telah menunjukkan yang kita mampu mencapai perseimbangan," ujar beliau.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan supaya usaha tersebut hendaklah dilakukan dengan teliti dan penuh kesedaran tanpa seorangpun yang boleh menggoncang kedudukan yang ada melalui mulut atau perbuatan yang menyentuh perasaan 'sensitif.

Dipupuk

"Perbezaan pendapat dan pendekatan akan sentiasa wujud," ujarnya lagi.

Mengenai Datuk Musa Hitam, Tan Sri Chong berkata, Timbalan Perdana Menteri mempunyai suatu keistimewaan yang patut dipupuk bersama oleh semua pihak.

Datuk Musa, katanya mempunyai fikiran yang tajam dan logik, melafaskan fikiran beliau dengan tenang dan lancar.

"Kita tidak ragu-ragu mengenai apa yang ingin di sampaikan. Beliau bukan sahaja menyatakan apa yang beliau maksudkan tetapi juga bermaksud," katanya.

Menurut Tan Sri Chong lagi, dengan kekuatan itu, Datuk Musa memberi semangat kepada semua ahli-ahli komponen BN yang ingin menjadi ahli-ahli politik dan pemimpin iaitu kiranya kita hilang kepercayaan, kita akan kehilangan semuanya.

Beliau menarik perhatian, dengan ketegasan dan kepercayaannya, Datuk Musa sanggup berkorban diri memperjuangkannya walaupun tugas yang dipikulnya bukanlah mudah dalam sebuah masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia